

10 JAN 1996

Mahathir-rawatan

BELANJA RAWATAN TINGGI JEJAS GOLONGAN MISKIN

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata golongan miskin kini merasai kesan daripada keputusan mahkamah di negara-negara maju menganugerahkan ganti rugi yang begitu tinggi kepada pesakit.

"Kita perlu bersimpati dengan mangsa kepada amalan tidak bertanggungjawab tetapi kos daripada simpati yang tidak bertempat daripada segi menafikan rawatan perubatan, sudah pastinya tinggi," katanya ketika merasmikan Kongres Ke-11 Persekutuan Asia Pasifik Kolej Pakar Bedah Antarabangsa (ICS) di sini. Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali dan Menteri Kesihatan DATuk Chua Jui Meng.

Perdana Menteri berkata pemberian sugu hati yang tinggi oleh mahkamah menyebabkan doktor kadangkala mengelak kes-kes kemalangan, mengendali pemeriksaan yang mahal tetapi tidak perlu atau mengenakan bayaran tinggi untuk premium perlindungan insurans.

Ini menyebabkan golongan miskin tidak mendapat rawatan perubatan, malahan golongan berpendapatan sederhana mungkin menjadi muflis akibat bil-bil perubatan, katanya.

Sebanyak 350 peserta dari 24 negara menghadiri kongres empat hari itu.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dianugerahi fellowship kehormat persekutuan itu.

Sambil mengakui pentingnya pesakit dilindungi daripada kelalaian pengamal perubatan dan pembedahan yang tidak cekap, Dr Mahathir berkata memberi sugu hati yang terlalu tinggi tidak menguntungkan sesiapa.

Akibat daripada sugu hati yang berlebihan, insurans perubatan menjadi tinggi, malahan kerajaan sendiri tidak mampu menyediakan perkhidmatan kesihatan yang asas kepada rakyat, katanya.

Dr Mahathir berkata sehingga ini, Malaysia agak bebas daripada "kegilaan menyaman" yang lazim berlaku di negara-negara maju dan berharap ia akan berterusan.

Beliau juga berkata dalam mengejar cita-cita menjadi negara maju menjelang 2020, kemajuan Malaysia akan seimbang dalam semua bidang sama ada pendidikan, industri atau teknologi baru dengan berpegang kepada pendirian, nilai moral dan tradisi.

Beliau menjemput ICS, sebuah institusi yang menyediakan ilmu perubatan di seluruh dunia, menyertai bidang pendidikan perubatan di Malaysia khususnya bagi melatih saintis pembedahan muda negara ini.

Mengenai perkembangan dalam bidang perubatan, Dr Mahathir berkata yang terpenting ialah kemajuan dalam biologi molekul yang menyumbang kepada kemajuan besar dalam pemahaman dan rawatan penyakit berketurunan.

"Penemuan variasi gene dan mutasi dalam proses pembentukan sel-sel barah bukan saja menarik tetapi juga merupakan perkembangan berpotensi dalam menangani penyakit itu," katanya.

Dr Mahathir berkata penyelidikan lanjut ke arah ini mungkin dapat membantu melawan virus HIV. -- BERNAMA